

EDISI 2024

BULETIN

**PERSATUAN PELAJAR
MEKANIKAL**
MEI - DISEMBER

ORGANISASI HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI



HEAD OF STUDENT DEVELOPMENT
Ir. Dr Sri Yulis M Amin



TD HEPA
Assoc. Prof. Ts. Dr Mohd Rasidi Ibrahim



HEAD OF GRADUATE
Dr Fazimah Mat Noor



STUDENT ORGANIZATION MANAGEMENT
Ts. Dr Wan Nur Azrina



ACADEMIC ADVISOR
Dr Raudhah Othman



GRADUATE EMPLOYABILITY
Ts. Dr Muhammad Faisal Mahmood



INTERSHIP PROGRAMME
Dr S. Kanna A/L Subramaniam



STUDENT WELFARE AND VOLUNTEERING
Dr Zaleha Binti Mohammad



DATA AND TALENT MANAGEMENT
Ts Hanani Abd Wahab



ALUMNI
Ts. Dr Nor Mazlana Main



TECHNOPRENEUR
Ts. Dr Aslinda Saleh

ORGANISASI MAJLIS TERTINGGI

PERSATUAN PELAJAR MEKANIKAL



SETIAUSAHA AGUNG
NUR AIDA SYAMIN BINTI
MOHAMOD



PRESIDEN
NURSYA AUNIEE BINTI
SHAFIEE



BENDAHARI KEHORMAT
MUHAMMAD SYAFIQ IZADI
BIN JUMAT



TIMBALAN PRESIDEN
MUHAMMAD FIRDAUS BIN
SHAMSAIMON



SETIAUSAHA KERJA
TENGKU LUQMAN AL HAKIM
BIN TENGKU MUNAWIR

PROPEG

PROGRAM PEMBANGUNAN GRADUAN



PENGERUSI
MUHAMMAD FARHAN
BIN HALID



TIMBALAN PENERGUSI
MUHAMMAD FARID BIN
DULAH



PENGERUSI
ZIKRIL HAKIM BIN ZAINOL ARIF



TIMBALAN PENERGUSI
NUR FARAHYAH BINTI
ZAINUDIN

HUBUNGAN AWAM



PENGERUSI
KEVINRAJ GAUNDER A/L
SELVARAJU



TIMBALAN PENERGUSI
WAN ALYAMASARA BINTI
WAN ERWAN

ORGANISASI EXCO

PERSATUAN PELAJAR MEKANIKAL

PROPEG

PROGRAM PEMBANGUNAN GRADUAN



EXCO KEBOLEHPASARAN GRADUAN

MOHAMMAD SYAFIZAR AFSYAM BIN TIPILIL
014-2843276
ANIS LIYANA BINTI ISMAIL
011-37562733



EXCO LATIHAN INDUSTRI

MUHAMMAD AQIL BIN ABDUL MALIK
011-73865668
PUTERI SITI HANNANI BINTI AHMAD HAZFIZI
011-33649133



EXCO KEUSAHAWANAN

SITI NUR SYAFIQA BINTI MOHD OTHMAN
019-6304112
TARISHINI A/P ELANCOVAN APPU
016-6214579



EXCO KERJAYA ALUMNI

MUHAMMAD SAIFUDDIN BIN AHMAD KHAROH
013-6930352
WARDINA AMIRAH BT SHARIZAL IZANI
010-169687255



EXCO KESUKARELAWAN & KEBAJIKAN

DANIEL HAKIM BIN MOHAMED 019-4142997
MUHAMMAD HARITH AFZAN BIN AZIZAN
017-3652042



EXCO JARINGAN LUAR

MUHAMMAD ASYRAF BIN AYUB
019-8771438
MUHAMMAD IRFAN BIN AHMAD RAMIZU
016-8663027



EXCO SUKAN & BAKAT

NOR ZAHILDA BINTI ZULKIFLI
011-16434602
MUHAMMAD NASRULLAH BIN ABDUL RAZAK
017-9062914



EXCO PENASIHAT AKADEMIK

NUR AIN SHYUHADAH BINTI MOHD FAUZIAN
016-5194174
MOHAMAD AFIS HILMAN BIN MD ASRI
013-5980791

HUBUNGAN AWAM



EXCO MEDIA & PUBLISITI

NICOLLE AIREEN KALONG
017-8520553
EZHILCHELVAM A/L PONNUSAMY
010-8043859
MATHAN RAJ A/L SEKARAN
017-5121751



EXCO TEKNIKAL & PROTOKOL

ABDUL RASYID BIN AHMAD RIZA
011-40459297
ARRINIE NASHA AZURA BINTI SAMSURIZAN
017-7606562
ANAS NAIMULLAH BIN MOHD SHUKRI
011-37435365

ISI KANDUNGAN



Buletin Mei 2024



Buletin Jun 2024



Buletin Julai-Ogos 2024



Buletin September - Oktober 2024



Buletin November - Disember 2024



BULETIN

PERSATUAN PELAJAR MEKANIKAL



PROGRAM SULAM: ERGONOMIC@FKMP
TEMPAT: SEK KEB JELOTONG

5 MEI 2024

Pelajar kursus Faktor Kejuruteraan Manusia, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah mengadakan Program SULAM: Ergonomic@FKMP pada 5 Mei 2024 lalu. Program yang bertemakan 'Application of Ergonomic Principles at School' itu telah melibatkan penyertaan 30 murid Sekolah Kebangsaan Jelotong, Batu Pahat. Mereka dibimbing oleh 56 pelajar FKMP yang bertindak sebagai fasilitator di bawah penyelarasan Prof. Madya. Ir. Ts. Dr. Mohd Nasrull Abdol Rahman. Tujuan program SULAM itu diadakan adalah bertujuan memberikan kesedaran kepada murid-murid sekolah tentang pentingnya prinsip amalan ergonomik di sekolah. Melalui program tersebut, murid-murid diberikan pendedahan berkenaan tip dan teknik pengendalian beg sekolah serta posisi postur duduk yang betul semasa sesi pembelajaran dalam kelas berlangsung.



ASPIRE, ACHIEVE, ADVANCE: THE MENTORSHIP JOURNEY

TEMPAT: BLOK QB, FKEE

12 MEI 2024

Aspire, Achieve, Advance: The Alumni Mentorship Journey ini dapat dilaksanakan dengan lancar dalam satu hari dan mengikut waktu yang dinyatakan dalam atur cara program. Program ini dapat menjadi platform perkongsian antara alumni FKMP bersama pelajar-pelajar dalam menyokong pembangunan holistik. Program ini juga memperoleh penyertaan seramai 35 orang mahasiswa/i dari Persatuan Pelajar Mekanikal (PPM) dan menerima maklum balas yang sangat memuaskan. Selain itu, semua ahli jawatankuasa dan peserta program memberi kerjasama yang baik sepanjang program ini. Penceramah jemputan, Professor Dato' Ts. Dr Ahmad Mujahid Ahmad Zaidi, Ir. Ts. Al'Azharino Bin Ahmad dan Ts. Mohd Farizzal Bin Dolah Muhammad, memberi pendedahan yang jelas mengenai kepentingan pembangunan kemahiran dan pembinaan rangkaian profesional. Sepanjang program, para mahasiswa/i juga turut berkesempatan untuk mengajukan pelbagai soalan yang berkaitan dan pengalaman panel dalam bidang kejuruteraan. Secara keseluruhan, kesemua objektif penganjuran program ini telah tercapai dan dapat memberikan impak yang berfaedah kepada para mahasiswa/i. Mahasiswa/i telah mendapat gambaran awal mengenai cabaran utama yang akan dihadapi sewaktu alam pekerjaan kelak. Pada masa yang sama, pengetahuan yang disampaikan dapat meningkatkan nilai kebolehpasaran graduan dalam diri mahasiswa/i.



KONVOI PPM X PGM

TEMPAT: UTHM , STADIUM BANDAR TENGGARA

25 MEI 2024

Program Dengan Menunggang Kita Meneroka: Konvoi Mahasiswa ke Bandar Tenggara telah dijalankan pada 25/5/2024 hari Sabtu. Program ini merupakan kerjasama diantara FKMP dan PPM dengan syarikat Prima Garage Motorsports, Parit Raja Bikers Club, Batu Pahat Bikers Club, Kluang Bikers Club dan Ahli Parlimen Tenggara. Program ini juga ditaja oleh Prima Garage Motorsports yang digunakan untuk menyediakan baju kepada peserta, token minyak dan barangan keperluan untuk konvoi yang berjumlah sebanyak RM4500. Program ini telah disertai oleh penunggang motorsikal yang terdiri daripada kalangan mahasiswa UTHM, pensyarah kanan, staf UTHM, orang awam dan rakan industri. Konvoi juga turut diikuti bersama dua kereta AJK, dan dua pacuan empat roda. Konvoi ini melibatkan penyertaan seramai 80 orang peserta dan dimulakan di Dataran Anggerik UTHM serta melalui perjalanan sejauh 82km ke Stadium Bandar Tenggara. Konvoi ini juga turut diketuai oleh Yang Berbahagia Prof Sr. Ts. Dr. Lokman Hakim bin Ismail, Timbalan Naib Canselor HEPA dan juga Prof. Madya Ts Dr. Mohd Rasidi Ibrahim Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, FMKP. Pelbagai aktiviti dijalankan di stadium tersebut seperti pameran motorsikal berkuasa tinggi dari industri KTM, Mitsubishi dan GASGAS, program Jom Servis X Mahasiswa UTHM, aktiviti uji cuba motorcross GASGAS di litar sebenar, Pertandingan Tenggara Menjerit (Pertandingan Bunyi Ekzos Kreatif), Pertandingan Motor Cantik dan Kreatif, Cabutan Bertuah, dan Jualan Rakyat. Program ini juga telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dr Hj Muhd Naqib bin Hj Ghazali, Ketua Pemuda UMNO Bahagian Tenggara merangkap sebagai COO UKM dan juga Wakil Ahli Parlimen Tenggara. Perjalanan konvoi yang bermula pada jam 7 pagi ini diakhiri pada jam 7 petang.



RESUME & JOB HUNTING TEMPAT: DEWAN KULIAH 4, PTTA UTHM

25 MEI 2024
9 PAGI - 5 PETANG

Program Resume and Job Hunting Workshop merupakan satu kursus intensif selama 6 jam yang dirangka khusus untuk memberi pendedahan menyeluruh kepada mahasiswa dan mahasiswi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Program ini bertujuan untuk membantu para pelajar memahami kaedah penyediaan resume yang profesional serta langkah-langkah strategik untuk mencari peluang pekerjaan yang sesuai dengan bidang pengajian dan minat mereka.

Sebagai usaha untuk memastikan kandungan yang disampaikan adalah relevan dan berkualiti, seorang penceramah yang berpengalaman luas dalam bidang pembangunan kerjaya telah dijemput. Beliau ialah Puan Nurul Syhuda binti Tajodin, seorang Pengurus Sumber Manusia dari syarikat My Career Solutions. Kepakaran beliau menjadi aset penting dalam menyampaikan topik-topik utama yang sangat berguna kepada para peserta.

Antara topik menarik yang telah dibincangkan sepanjang program ini termasuklah Job Hunting Process, iaitu proses strategik mencari pekerjaan, Career Development yang menumpukan pada pembangunan kerjaya jangka panjang, serta Job Search yang mengajar kaedah mencari peluang pekerjaan secara efektif. Selain itu, para peserta turut diberi panduan dalam Curriculum Vitae (CV) Writing, iaitu penyediaan CV yang menarik perhatian majikan, dan aspek penting seperti Grooming, Interview Preparation, Mock Interview, serta Evaluation untuk memperbaiki kemahiran mereka menghadapi temuduga sebenar.



PROGRAM LAWATAN PENDEDAHAN INDUSTRI KE SYARIKAT JUN CHONG SDN. BHD.

27 MEI 2024
9 PAGI - 4 PETANG

Program ini merupakan aktiviti lawatan industri ke SYARIKAT JUN CHONG SDN. BHD. pada tarikh 27 Mei 2024 (9.00 pagi hingga 4.00 petang) untuk memenuhi keperluan kursus BDI 31003 (Plant Engineering & Quality Management) bagi menyelesaikan projek berasaskan keadaan sebenar di industri serta dapat mengaplikasikan teori yang dipelajari di dalam kelas. Syarikat Jun Chong Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat pengeluar alat penyembur yang dikenali sebagai 'Cross Mark' bagi keperluan utama yang digunakan dalam sektor pertanian. Bukan sahaja alat penyembur, syarikat ini menghasilkan set lengkap alat tersebut secara keseluruhannya termasuklah alat penyambung, nozel dan sebagainya. Pelajar secara tidak langsung dapat pendedahan lengkap mengenai proses pembuatan produk dan mengambil peluang juga untuk mengetahui masalah yang biasa dihadapi oleh pihak industri. Melalui pelaksanaan program ini, pelajar tidak hanya diberikan kesempatan untuk menyaksikan, tetapi juga untuk memahami secara langsung bagaimana konsep kejuruteraan pembuatan dan pengurusan kualiti dipraktikkan di industri yang mereka lawati.

Seramai 16 orang pelajar yang terlibat dan tiga orang staf pengiring iaitu Dr. Nor Mazlana Main, Dr. Rais Hanizam Madon dan Encik Bohari Ismanqun. Kesimpulannya, program ini telah berjaya mencapai objektifnya dan pelajar bakal menghantar laporan projek mengikut kumpulan kelas beserta pada minggu ke-13 kuliah.



LAWATAN PENANDA ARAS DI UUM DAN LAWATAN INDUSTRI DI PULAU PINANG

29 - 30 MEI 2024

Seramai 25 orang pelajar dari Persatuan Pelajar Mekanikal (PPM) beserta 6 orang pensyarah pengiring yang juga merupakan penyelaras JK HEPA fakulti telah mengikuti rombongan selama 3 hari 2 malam ke UUM Sintok Kedah dan 2 industri di Pulau Pinang. Objektif utama delegasi yang diketuai sendiri oleh Timbalan Dekan HEPA Fakulti, PM Ts Dr Mohd Rasidi Ibrahim ini adalah bertujuan bagi melakukan kunjungan penanda aras ke Jabatan HEPA dan persatuan pelajar di UUM serta memberi pendedahan industri khususnya berkaitan ilmu keusahawanan teknopreneur kepada para pelajar.

Hari pertama 29 Mei 2024 dimulakan dengan lawatan ke UUM bagi melihat sendiri pengurusan HEPA di jabatan berkenaan. Para pelajar pula mengadakan pertemuan dengan barisan kepimpinan pelajar UUM untuk melihat organisasi pengurusan mereka. Hasil rumusan perbincangan menunjukkan struktur kepimpinan HEPA di UUM ketara berbeza dengan UTHM dengan pemusatan urusan diletakkan di bawah satu pusat sehenti yang mengumpulkan kesemua PTJ yang berurusan dengan pelajar. Maka, peranan PAK diwujudkan dan TD HEPA di fakulti bertindak sebagai pemudahcara sahaja. Didapati terdapat beberapa pendekatan yang sesuai diaplikasikan dengan melihat struktur pengurusan di bawah cabang TNC HEPA.

Hari kedua 30 Mei 2024 pula berlangsung lawatan industri ke syarikat CG Global Prafastex Manufacturing Sdn Bhd, yang merupakan pembuat barangan elektronik dan pemasangan PCB (Printed Circuit Board). Selesai penerangan di bahagian operasi, Pengarah Urusannya, Puan Siti Padillah bt Abd Wahab menyampaikan perkongsian kepada pelajar berkenaan keusahawanan teknopreneur bermula dari bagaimana beliau memulakan syarikat pemulanya. Kesemua pelajar menunjukkan minat dan semangat yang tinggi semasa sesi soal jawab diadakan.

Hari ketiga 3 Mei 2024 disambung dengan lawatan ke syarikat HnB Feeding Sdn Bhd, yang mengkhususkan kepada rekabentuk dan penghasilan produk Vibrator Bowl Feeder & Linear Feeder. Di sini para pelajar didedahkan dengan kemahiran rekabentuk kejuruteraan bagi memenuhi standard dan piawaian yang ditetapkan oleh pelanggan. Pengurusnya, Mr Leong berharap jalinan kerjasama ini dapat diteruskan dengan menghantar lebih ramai lagi pelajar latihan industri ke syarikat tersebut.

BULETIN PERSATUAN PELAJAR MEKANIKAL



**MAJLIS ANUGERAH DEKAN
LOKASI: BIG STAGE PTTA**



6 JUN 2024

Program ini telah dijalankan pada 6 Jun 2024 bertempat di Big Stage PTTA. Majlis ini telah dirasmikan oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan iaitu Prof. Amir Khalid dan dihadiri oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni Prof. Madya Ts Dr. Mohd Rasidi Ibrahim, Timbalan Dekan Akademik dan antarabangsa Prof. Madya Dr. Hafeez Zainulabidin dan Timbalan Dekan Penyelidikan & Pembangunan Prof. Hassan Zuhudi Abdullah serta Ketua Jabatan dan ketua Program serta Penasihat Akademik dan Kerjaya yang terlibat. Seramai 300 penerima Anugerah Dekan pada Semester 1 Sesi 2023/2024. Majlis ini mampu memberi semangat yang baharu kepada penerima serta menyuntik semangat mahasiswa lain untuk mendapatkan Anugerah Dekan pada peperiksaan yang akan datang.



UNLOCKING STUDENT INTERNSHIP TALENTS (MYSUIT) LOKASI: DEWAN SULTAN IBRAHIM (DSI)

11-12 JUN 2024

Program ini melibatkan pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) dari Tahun 1 hingga Tahun 4. Ia bertujuan memberi kefahaman mendalam tentang keperluan dunia pekerjaan serta menyediakan pelajar dengan maklumat penting berkaitan latihan industri. Penceramah dari TalentCorp, sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, telah menyampaikan ceramah berkenaan kepentingan latihan industri dan memperkenalkan platform MyNEXT. Platform ini direka khas untuk membantu mahasiswa dan mahasiswi mencari peluang pekerjaan serta tempat pelaksanaan latihan industri, menjadikannya alat yang berguna dalam perancangan kerjaya mereka.

Sebagai pelengkap kepada ceramah, forum interaktif turut diadakan dengan menampilkan penceramah jemputan dari GB Marine dan Malaysia Marine and Heavy Engineering (MMHE). Kedua-dua penceramah, yang merupakan Ketua Sumber Manusia di syarikat masing-masing, berkongsi pengalaman serta pandangan mereka mengenai realiti dunia pekerjaan. Forum ini memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi secara langsung dengan penceramah, sekaligus mendapatkan maklumat berharga tentang strategi membina kerjaya yang berjaya serta keperluan semasa industri.



**WACANA ILMIAH: MODERN ENTREPRENEUR LEAD
BETTER FUTURE
LOKASI: ATAS TALIAN (MICROSOFT TEAM)**

**20 JUN 2024
9 PAGI - 12 TENGAHARI**

Program ini diadakan dengan matlamat untuk memberikan pendedahan dan berkongsi pengetahuan tentang bidang keusahawanan. Sesi ceramah telah disampaikan oleh Dr. Mohd Yussni Bin Hashim, seorang pensyarah berpengalaman yang juga aktif menceburi bidang keusahawanan. Dalam sesi tersebut, beliau berkongsi perjalanan kerjayanya serta memberikan panduan berguna kepada pelajar yang berminat untuk memulakan langkah pertama dalam dunia perniagaan.

Selain itu, program ini turut membuka peluang kepada pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang bercita-cita untuk menceburi bidang keusahawanan atau mengembangkan perniagaan mereka yang sedia ada. Melalui pengisian program ini, para peserta diperkenalkan kepada pelbagai aktiviti dan inisiatif yang dijalankan oleh badan Tekno Usahawan Universiti, sebuah platform yang diwujudkan khas untuk menyokong pelajar dalam mengembangkan potensi dan kemahiran keusahawanan mereka.

8TH MECHYFEST: EXCELLENCE OF ANALYTICAL APPROACH

LOKASI: KOMPLEKS TEKNOLOGI G2, FKMP

24 - 25 JUN 2024

Program ini merupakan acara wajib tahunan yang dianjurkan oleh Hal Ehwal Pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) dengan sokongan Persatuan Pelajar Mekanikal. Dengan tema Excellence of Analytical Approach, program Mechyfest bertujuan untuk menyerlahkan bakat dan kreativiti pelajar melalui pelbagai aktiviti yang berfokus kepada kemahiran analisis dan inovasi kejuruteraan. Edisi kali ini telah dirasmikan oleh Prof. Dato' IR. TS. DR. Ruzairi Bin Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM, yang turut menekankan kepentingan pendekatan analitikal dalam bidang kejuruteraan semasa majlis perasmian.



Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang program ini, antaranya ialah Pembentangan Poster Projek Sarjana Muda, yang mempersembahkan hasil penyelidikan pelajar tahun akhir, serta Simposium Integrated Engineering Design, yang menonjolkan penyelesaian kejuruteraan secara menyeluruh. Selain itu, aktiviti berbentuk kemasyarakatan seperti Derma Darah dan persembahan bakat melalui FKMP Got Talent turut memeriahkan suasana. Mechyfest sekali lagi berjaya menjadi platform penting untuk menggalakkan interaksi antara pelajar, pensyarah, dan pihak industri.

MECHYPRENEUR

LOKASI: KOMPLEKS TEKNOLOGI G2,
FKMP

24 - 25 JUN 2024



Program ini telah dianjurkan bersempena dengan 8th MECHYFEST, melibatkan pelajar yang mengambil subjek Keusahawanan bagi kursus BDD dan BDJ. Program ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada realiti dunia perniagaan dengan mengaplikasikan konsep dan teori yang dipelajari ke dalam situasi sebenar. Setiap kumpulan pelajar diberi cabaran untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan perniagaan masing-masing dan menjalankan aktiviti jualan serta promosi. Pengalaman yang berguna sebagai persediaan ke dunia pekerjaan.

Bagi menambah elemen persaingan dan meningkatkan kreativiti, lima kategori pertandingan telah diperkenalkan. Kategori tersebut ialah Promosi Video Tiktok Likes Terbanyak, yang menggalakkan pelajar memanfaatkan platform media sosial untuk menarik perhatian pelanggan; Kreativiti Booth Terbaik, yang menilai daya tarikan dan inovasi reka bentuk gerai; Khidmat Pelanggan Terbaik, yang menumpukan kepada kualiti perkhidmatan kepada pembeli; Inovasi Produk Jualan Terbaik, untuk mengetengahkan produk yang paling unik dan praktikal; serta Pembentangan Produk Jualan Terbaik, yang menilai kebolehan pelajar dalam menyampaikan idea perniagaan mereka dengan berkesan. Program ini bukan sahaja mengasah kemahiran keusahawanan pelajar tetapi juga memberikan pengalaman yang berguna sebagai persediaan ke dunia pekerjaan.



22 JUN 2024

SANTUNI ANAK YATIM MERSING

Program ini telah berlangsung pada 22 Jun 2024 bertempat di Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Islam (PKAYI), Mersing, dengan penyertaan mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP). Program ini bertujuan untuk memupuk nilai empati dan tanggungjawab sosial dalam kalangan mahasiswa di samping memberikan sokongan kepada komuniti yang memerlukan. Sepanjang program ini, pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan bersama penghuni PKAYI, termasuk Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang bertujuan meningkatkan kerjasama antara peserta dan penghuni, serta aktiviti memasak bersama yang menonjolkan semangat gotong-royong.



Selain aktiviti bersama penghuni, pihak penganjur turut mengambil inisiatif untuk menyampaikan sumbangan berupa keperluan asas yang diperlukan oleh pihak PKAYI. Usaha ini adalah hasil daripada sokongan dan sumbangan pelbagai pihak, yang mencerminkan nilai kebersamaan dalam membantu golongan yang memerlukan. Program ini bukan sahaja memberikan pengalaman berharga kepada mahasiswa FKMP, tetapi juga memberikan impak positif kepada penghuni PKAYI melalui interaksi dan bantuan yang diberikan.

BULETIN **PERSATUAN PELAJAR MEKANIKAL**

**10 JULAI 2024**

BERBINCANGAN BERSAMA TEAM PROPEG DR. FAZIMAH DAN DR. ASLINDA BERSAMA WAKIL PELAJAR MUHAMAD ZAHIN BIN JAMSARI TRAVELOG KOPI DALAM PROJEK PERINTIS KEUSAHAWANAN DI ENGINE'S STREET.

Kumpulan pelajar yang diketuai oleh Muhamad Zahin bin Jamsari menjalankan perniagaan menyediakan minuman berasaskan kopi berperisa buah-buahan dan juga minuman teh yang berperisa. Projek perintis ini akan beroperasi di EnglnE's Street. Perniagaan secara tempahan dan penghantaran telah bermula di FKMP dan beroperasi secara fizikal dijangka bermula pada Semester 1 Sesi 2024/2025 yang akan datang.

25-27 JULAI 2024

**BENGKEL PERANCANGAN DAN HALA TUJU HEPA FKMP
TEMPAT: LE GRANDEUR PALM RESORT JOHOR**

Kesemua penyelaras di bawah sayap Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni FKMP bersama-sama pengurusan eksekutif fakulti telah menghadiri bengkel perancangan halatuju HEPA pada penghujung bulan April yang lalu. Bengkel yang dirasmikan oleh Dekan FKMP, Prof Ts. Dr. Amir Khalid itu telah berjalan lancar bersama pembentangan bagi setiap penyelaras dengan skop pencapaian masing-masing. Majlis penutup disediakan dengan sedikit jamuan ringan sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang kebetulan jatuh pada tarikh tersebut. Sesi penggulungan telah disempurnakan oleh kesemua TD (AA), TD (HEPA) dan TD (PPP) yang berpuashati dengan pencapaian semasa dan berharap agar semua program melibatkan pelajar dan alumni terus mencapai sasaran SKTU yang ditetapkan.

BULETIN **PERSATUAN PELAJAR MEKANIKAL**



**GOTONG ROYONG TEAM HEPA DI KOMPLEKS
TEKNOLOGI G2, FKMP**

**22 OGOS 2024
MASA: 9 PAGI - 1 TENGAHARI**

Satu sesi gotong royong membersihkan kawasan Engine's Street dan Inkubator telah disertai oleh 6 orang penyelaras HEPA dan diketuai sendiri oleh TD HEPA, PM Dr Mohd Rasidi bin Ibrahim. Turut membantu adalah beberapa orang pelajar pasca siswazah yang berminat untuk membuat jualan minuman kopi. Persiapan ruang ini adalah sebagai salah satu usaha menghidupkan kembali budaya keusahawanan di kalangan pelajar dan staf fakulti.



TEMUDUGA EXCO PPM

3 SEPTEMBER 2024

Temuduga bagi Pemilihan Exco Baharu PPM telah diadakan pada 3 September 2024 sebagai langkah awal untuk menyusun kepimpinan yang mantap bagi Sesi 2024/2025. Seramai 50 orang pelajar telah menyertai sesi temuduga ini, mencerminkan minat dan komitmen mereka untuk menyumbang kepada pembangunan Persatuan Pelajar Mekanikal (PPM). Proses temuduga ini dikendalikan oleh panel yang terdiri daripada Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TDHEPA) serta penyelaras-penyelaras yang berpengalaman di bawah TDHEPA. Pemilihan ini bertujuan memastikan hanya calon yang terbaik dan berkebolehan dipilih untuk mengisi jawatan Exco, seterusnya membawa PPM ke tahap yang lebih tinggi.

Sementara itu, bagi pemilihan Majlis Tertinggi (MT) PPM, proses pemilihan telah berlangsung pada 28 September 2024. Pemilihan MT adalah langkah penting untuk menentukan hala tuju organisasi dan memastikan kelancaran semua aktiviti PPM sepanjang sesi tersebut. Berikut disertakan Carta Organisasi PPM bagi Sesi 2024/2025, yang memperincikan struktur kepimpinan baharu ini serta peranan yang dipegang oleh setiap individu. Carta ini mencerminkan dedikasi pelajar FKMP dalam menerajui persatuan dan melaksanakan pelbagai program demi manfaat bersama.



FIRST OPEN INTERNATIONAL INNOVATION CHALLENGE IN 2024(OPIIC2024)

5 SEPTEMBER 2024

Dua orang pelajar telah berjaya meraih pingat Perak di dalam pertandingan inovasi antarabangsa, First Open International Innovation Challenge 2024 (OPIIC2024) yang diadakan pada 5hb September 2024. Pertandingan ini dianjurkan oleh Jabatan Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang, dengan kerjasama Universitas Negeri Semarang (UNNES), Kampus Sekaran, Gunungpati, Semarang, Indonesia.

Pautan:

- 1) <https://www.opiic.net/>
- 2) <https://www.youtube.com/watch?v=VnqkiJhoAFw&t=1s>
- 3) [https://www.opiic.net/registration/opiic medal result.html](https://www.opiic.net/registration/opiic%20medal%20result.html)


3 - 5 SEPTEMBER 2024

UTHM RAIH TEMPAT PERTAMA KATEGORI CANSAT- UNIVERSITY DI MALAYSIA ROCKET COMPETITION 2024

Pasukan Aerosat Pioneers dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah memenangi tempat pertama dalam kategori CanSat-University semasa Malaysia Rocket Competition 2024 (MRC 2024) yang berlangsung pada 3 hingga 5 September di Felcra Seberang Perak. Pertandingan tersebut menyaksikan penyertaan 14 universiti dari Malaysia, India, Singapura, dan Indonesia, selain 47 sekolah menengah dari seluruh Malaysia. Pasukan Aerosat Pioneers yang diketuai Yashlen A/L Pichyalagan terdiri daripada lima pelajar UTHM dan dibimbing oleh tiga pensyarah, termasuk Ir. Dr. Ahmad Hamdan Ariffin. Pasukan Star Voyager 1 dari UTHM juga turut bersaing dalam kategori 1 km rocket.

Menurut Dr. Ahmad Hamdan, kejayaan ini mencerminkan keberhasilan program pemindahan ilmu bersama sekolah-sekolah di Johor yang diadakan pada Februari dan Julai 2024. UTHM juga membimbing beberapa pasukan tempatan seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Batu Pahat (HSBP) yang meraih tempat kedua dalam kategori CanSat-Sekolah, serta pasukan antarabangsa dari India. Kejayaan ini memberi inspirasi kepada UTHM untuk terus meneroka teknologi roket dan berkongsi ilmu demi manfaat negara.



**PROGRAM “COFFEE BREAK WITH PAK”
LOKASI: “ENGINE’S INCUBATOR” BLOK G2, FKMP**

8 OKTOBER 2024

Program “Coffee Break with PAK” berlangsung sepanjang Semester 1 Sesi 2024/2025, diadakan di “Engine’s Incubator” blok G2 FKMP. Bermula pada 8/10/2024 dan dijangka akan selesai pada 15/1/2025. Objektif utama program ini adalah untuk memperkasakan peranan PAK dalam mengemaskini perkembangan anak PAK masing-masing dalam hal akademik dan hal-hal lain yang berkaitan. Selain itu, program ini juga dapat menjalankan program inkubator keusahawanan pelajar FKMP di blok G2 kerana perjumpaan di antara PAK dan pelajar dilaksanakan di inkubator tersebut. Pengurusan penyediaan jamuan diberikan kepada Syarikat Pemuda Pelajar (SPM) FKMP yang telah berdaftar di UTHM bertujuan mewujudkan aktiviti pemeraksanaan keusahawanan di FKMP. Seramai 636 orang yang terlibat termasuk 42 orang PAK dan 594 pelajar telah dipilih untuk menyertai program ini. Setakat ini, seramai 7 orang PAK dan lebih kurang 80 orang pelajar telah mengadakan perjumpaan menerusi program ini. Antara perkara yang dibincangkan semasa perjumpaan yang diadakan adalah membincangkan tahap psikologi pelajar, pencapaian dan bakat pelajar yang boleh di analisa melalui “PAK Tools” dan perkara berkenaan pendaftaran subjek dan yang berkaitan. PAK juga memberikan kata-kata semangat kepada anak-anak PAK di hujung perjumpaan, selain dapat mengisi data berkenaan perjumpaan yang diadakan di TCIS untuk tujuan audit nanti.



INNOVATIVE SOLUTIONS FOR A SUSTAINABLE AND EQUITABLE FUTURE (INNOVEX2024)

15 OKTOBER 2024

Dua orang pelajar telah berjaya meraih pingat Emas (Kategori Professional Inventor) di dalam pertandingan inovasi, Innovative Solutions for a Sustainable and Equitable Future (INNOVEX2024) yang diadakan pada 15hb Oktober 2024.

Pautan:


- 1)<https://innovex.com.my/>
- 2)<https://www.youtube.com/watch?v=R5DC4B3wCGQ>

28 OKTOBER 2024

MESYUARAT BERSAMA BARISAN PENASIHAT, MAJLIS TERTINGGI & EXCO PPM SESI 2024/2025

Pelaksanaan Mesyuarat Secara Atas Talian telah diadakan sebagai langkah pertama bagi memperkenalkan barisan Majlis Tertinggi (MT) dan Exco Persatuan Pelajar Mekanikal (PPM) Sesi 2024/2025. Mesyuarat ini bertujuan untuk memberi gambaran menyeluruh mengenai peranan dan tanggungjawab setiap ahli dalam organisasi, selain memupuk semangat kerjasama dalam kalangan ahli baru. Platform atas talian digunakan untuk memastikan keselesaan dan kelancaran mesyuarat, membolehkan semua pihak dapat turut serta tanpa kekangan lokasi.

Agenda utama mesyuarat ini adalah untuk membincangkan pelan program yang bakal dilaksanakan sepanjang sesi tersebut. Setiap ahli diberikan peluang untuk menyumbangkan idea serta cadangan bagi memastikan aktiviti yang dirancang bersesuaian dengan objektif PPM dan dapat memberikan manfaat kepada semua ahli. Melalui perbincangan yang produktif ini, diharapkan pelaksanaan program-program akan berjalan lancar dan terus memperkukuh peranan PPM dalam membangunkan pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP).





INTERNATIONAL UNDERGRADUATE INNOVATION COMPETITION (NUIC24)

27 -38 OKTOBER 2024

Pada 27 dan 28 Oktober 2024, International Undergraduate Innovation Competition (NUIC24) telah berlangsung dengan meriah bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Acara berprestij ini menyaksikan penyertaan pelbagai pelajar dari dalam dan luar negara yang mempamerkan idea serta inovasi mereka dalam bidang masing-masing. Pertandingan ini menjadi platform utama bagi pelajar untuk menunjukkan kreativiti, daya cipta, dan inovasi mereka di peringkat antarabangsa.

Dalam pertandingan tersebut, dua orang pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) telah mencipta sejarah apabila berjaya meraih pingat emas atas pencapaian cemerlang mereka. Inovasi yang dipersembahkan oleh kedua-dua pelajar ini bukan sahaja mendapat pengiktirafan daripada panel juri tetapi juga menjadi inspirasi kepada rakan-rakan mereka. Kemenangan ini membuktikan keupayaan pelajar UTHM untuk bersaing di pentas global dan menyerlahkan potensi besar dalam bidang inovasi.



6-12 DISEMBER 2024

BOOTH JUALAN FESTKON 2024

Aktiviti jualan ini telah berjalan sepanjang seminggu bermula pada 6 Disember 2024 hingga 12 Disember 2024 bertempat di Padang Kawad bersempena dengan FESTKON 2024. Aktiviti ini dijalankan oleh Exco Keusahawanan PPM sesi 24/25 dibawah penyeliaan Ts. Dr. Aslinda Binti Saleh, penyelaras Technopreneur dan sokongan modal daripada Assoc. Prof. Ts. Dr. Rasidi Bin Ibrahim iaitu Timbalan Dekan HEPA. Modal keseluruhan yang digunakan adalah sebanyak RM1000 dan mendapat pulangan sebanyak RM550 sebagai untung untuk perniagaan yang dijalankan selama seminggu. Selain daripada penyertaan Exco Keusahawanan, terdapat juga beberapa pelajar FKMP yang turut membantu dalam menguruskan gerai tersebut.



14 DISEMBER 2024

HARMONI FUN RUN & RIDE

Seramai 39 mahasiswa daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menjadi sukarelawan sempena program HARMONI Fun Run & Ride pada 14 Disember 2024 yang bertempat di Dewan Hj Aminolhuda, Parit Yaani, Batu Pahat, Johor. Selain mahasiswa-mahasiswa yang terlibat, program ini juga diketuai dan dipantau oleh Prof. Madya. Ts. Dr. Mohd Rasidi bin Ibrahim serta Dr. Zaleha binti Mohamad. Antara program-program yang telah berlangsung di lokasi ini adalah Harmoni Fun Run 3km & 7km, Harmoni Fun Ride 24km, Aerobikton, Pertandingan Memasak Ayam Ungkep, Pertandingan Gubahan Tuala, Pemeriksaan Kesihatan Percuma, Pameran Bas Antidadah, dan Pameran Agensi & Jabatan. Terdapat juga cabutan bertuah untuk para peserta yang hadir dan menyertai program ini.

Dalam kesempatan ini, Nur Aida Syamin binti Mohamad, sebagai pengarah program mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada kesemua sukarelawan-sukarelawan yang berminat dan terlibat dalam program ini. Terima kasih juga diucapkan atas kesudian Hj. Aminolhuda dalam menjemput kami dalam menjadi sebahagian dalam program ini.

**MAJLIS PENUTUP PROGRAM MECHALYMPIC
2024**

14 DISEMBER 2024



Satu majlis penutup bagi program Mechalympic telah diadakan pada jam 1.30 petang. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Dr Fazimah Binti Mat Noor, Ketua Penasihat Program Graduan Mahasiswa Sesi 2024/2025, Ts Dr Wan Nur Azrina Binti Wan Muhammad, Penasihat Persatuan Pelajar Mekanikal, Ts Dr Hanani Binti Abd Wahab, Penyelaras Exco Sukan dan Bakat Pelajar, Nor Zahilda Binti Zulkifli, Pengarah Program Mechalympic 2024, ahli majlis tertinggi Persatuan Pelajar Mekanikal, ahli Jawatankuasa Mechalympic 2024 dan semua peserta program Mechalympic.

Mechalympic merupakan satu platform sukan yang bertujuan untuk memperkuat hubungan antara pelajar dan pensyarah di dalam Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan. Ia menjadi platform untuk memperkukuhkan ikatan komuniti dalam fakulti, mewujudkan persekitaran yang dinamik dan memupuk nilai-nilai kecemerlangan, kesukanan, dan integrasi di kalangan pelajar dan pensyarah. Program tersebut telah berlangsung selama dua hari iaitu pada 13 dan 14 Disember 2024 bertempat di sekitar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja. Sebanyak 4 acara sukan telah berjaya dipertandingkan ketika program ini berlangsung. Antaranya ialah acara E-football, ping-pong, badminton kategori beregu lelaki dan futsal



Meet Our Best Team



Yuvenraj Ganesan
Founder & President

Yuvenraj Ganesan, a driven and ambitious 22-year-old, is the founder and CEO of a burgeoning 3D printing enterprise. Currently pursuing a degree in Mechanical Engineering at UTHM, Malaysia, Yuvenraj's passion for 3D printing led him to transform his hobby into a thriving business venture.



Vishnu Magendran
Vice President

Vishnu Magendran, being a passionate and conservative in his field, is the Vice President of this 3D printing enterprise, hailing from Kuala Lumpur and currently pursuing a degree in Mechanical Engineering Technology (Hons) at UTHM, Malaysia. Vishnu is excited on the future of consumerism and enjoying the stressful entrepreneurial life has got him into a thriving business venture.



Amirun Hakim
Business Specialist

Amirun Hakim is a passionate and forward-thinking individual, currently serves as the managing director of a prominent 3D printing enterprise. Originally from Kelantan, currently enrolled in the Mechanical Engineering program at UTHM, Malaysia. A collaborative team player with excellent communication skills and is keen to learn in management principles, eager to contribute technical expertise and managerial skills to a dynamic work environment.

OUR COMPANY LOGO



Services we offer

2 name printing


SLASH

TECH ♥

Starting from RM 25 (height= 20mm)
Size can be altered upon request (Price may vary)

Services we offer

Whistle with initial or with name printing



**ENGINE'S INCUBATOR-JAMUAN PROGRAM COFFEE
BREAK WITH PAK OLEH SLASH TECH**

OKTOBER 2024 - JANUARI 2025

Syarikat Terbitan Universiti Pelajar (STUP), iaitu Slash Tech (SSM number: 202303277077, PG0548646-A), telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan juadah jamuan bagi program "Coffee Break with PAK" yang berlangsung sepanjang Semester 1 Sesi 2024/2025. Program ini diadakan di "Engine's Incubator", blok G2, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP). Program ini bermula pada 8 Oktober 2024 dan dijangka akan berlangsung hingga 15 Januari 2025, memberikan ruang kepada mahasiswa untuk berinteraksi dan berkongsi maklumat dalam suasana santai.

Untuk menjayakan program ini, pihak penganjur telah memperuntukkan sebanyak RM1800 bagi menyediakan jamuan sempena aktiviti Coffee Break yang diadakan. Program ini tidak hanya memberi peluang kepada mahasiswa untuk berhubung dengan rakan-rakan dan pensyarah, tetapi juga memberi ruang bagi perbincangan yang produktif dalam membincangkan pelbagai topik berkaitan akademik dan kerjaya. Melalui inisiatif ini, diharapkan dapat mempererat hubungan dalam kalangan pelajar dan memupuk budaya kerjasama yang lebih baik di kalangan warga FKMP.



HARITH THAQIF (CEO)



HAMZAH (SECRETARY)



QIF ROAD RUNNER SERVICES

Priority to customer trust, service quality, and seamless user experience.

Our Services :

- ✓ Engine oil change
- ✓ Brake service
- ✓ Chain and sprocket replacement
- ✓ Flat tire repair
- ✓ Other simple services

Contact Us !

011-25635029 (Thaqif)
011-30483902 (Hamzah)

SYARIKAT TERBITAN UNIVERSITI PELAJAR (STUP) QIF ROAD RUNNERSERVICES

Syarikat Terbitan Universiti Pelajar (STUP), iaitu Qif Road Runnerservices (202403176107-(JM1008908-M)), berhasrat menjadi penyedia perkhidmatan motosikal jalan raya yang dipercayai, menawarkan penyelesaian pantas, berkualiti tinggi, dan mesra pengguna untuk memastikan setiap penunggang selamat, selesa, dan yakin di jalan raya. Perkhidmatan qif road runnerservices meliputi bantuan kecemasan di jalan raya untuk kerosakan seperti tayar pancit, masalah brek, dan rantai putus, serta penyelenggaraan berkala seperti penukaran minyak enjin, pelarasan rantai, dan pemeriksaan brek di lokasi pilihan pelanggan. Pemeriksaan keselamatan motosikal juga disediakan, melibatkan aspek penting seperti brek, lampu, dan tayar. Dengan matlamat menyediakan perkhidmatan berkualiti tinggi menggunakan alat ganti tulen, memudahkan pelanggan melalui tempahan dalam talian dan bantuan tepi jalan, serta membina kepercayaan dengan harga telus, qif road runners menjamin pengalaman perkhidmatan yang pantas, profesional, berpatutan, dan selesa.



SYARIKAT TERBITAN UNIVERSITI PELAJAR (STUP): PROTEAM

MEET OUR BEST TEAM



**Umar Addin
Bin Mazlan**

Founder and President

Umar Addin, a driven and ambitious 23 year old, is the founder and CEO of ProTeam Enterprise. Currently pursuing degree in Mechanical Engineering at UTHM, Malaysia. Umar's passion in Automotive industry led him to transform his passion into a thriving business venture in hope to provide the community a trusted automotive platform



**Muhammad Syazmi
Bin Abd Saman**

Head of Operation

Muhammad Syazmi, being as passionate and conservative as he can be, is the Head Operation of ProTeam Enterprise. Hailing from Johor Bahru and currently pursuing a degree in Mechanical Engineering at UTHM, Malaysia. Syazmi's leadership ensures ProTeam Enterprise remains at the forefront of the car service industry, paving the way for a promising future



**Muhammad Eiman Salman
Bin Edham Lutfe**

Head of Finance

Eiman Salman, a dedicated and detail-oriented financial manager. A skilled leader with expertise in event budgeting and financial planning. Eim applies his expertise to optimize cash flow, manage expenditures, and develop strategic risk management plans. His commitment to financial excellence ensures sustainable growth and efficient resource allocation for the business.

USProTeam ialah sebuah perniagaan automotif yang berpusat di UTHM, berdedikasi untuk menyediakan penyelesaian automotif yang inovatif dan boleh dipercayai. Dengan semangat untuk kecemerlangan dan fokus pada kepuasan pelanggan, kami mengkhususkan diri dalam menyediakan perkhidmatan automotif, produk, dan kepakaran berkualiti tinggi. Sama ada dalam penyelenggaraan, pembaikan, atau kecekapan kenderaan, USProTeam komited untuk memperkasakan pemandu dan meningkatkan prestasi kenderaan.

USProTeam ingin menjadi penyedia perkhidmatan automotif terkemuka di UTHM dengan menetapkan piawaian untuk inovasi, kualiti, dan kepuasan pelanggan. Proteam berkomited untuk menyediakan perkhidmatan yang melebihi jangkaan pelanggan melalui inovasi berterusan dan amalan automotif yang mampan. Perkhidmatan ProTeam meliputi penyelenggaraan rutin (pertukaran minyak, putaran tayar, pemeriksaan brek), pembaikan mekanikal dan elektrik, diagnostik enjin, pemeriksaan keselamatan, ujian pelepasan, serta konsultasi pembaikan dan pembelian kenderaan. Selain itu, ProTeam memberi peluang kepada pelajar kejuruteraan mekanikal dan automotif untuk memperoleh pengalaman dunia sebenar melalui latihan amali, sambil memupuk kemahiran profesional untuk menyokong pembangunan industri automotif yang mampan.

SERVICE WE OFFER

VEHICLE MAINTENANCE AND REPAIRS

- ROUTINE MAINTENANCE (OIL CHANGES, TIRE ROTATIONS, BRAKE INSPECTIONS)
- MECHANICAL AND ELECTRICAL REPAIRS



ENGINE DIAGNOSTICS AND PERFORMANCE TUNING

DIAGNOSTICS TO IDENTIFY ISSUES EFFICIENTLY
PERFORMANCE TUNING FOR IMPROVED ENGINE EFFICIENCY
OVER



HALL OF FAME PERSATUAN PELAJAR MEKANIKAL BAGI BULAN OKTOBER & NOVEMBER 2024



HALL OF FAME PERSATUAN PELAJAR MEKANIKAL BAGI BULAN OKTOBER & NOVEMBER 2024



HALL OF FAME PERSATUAN PELAJAR MEKANIKAL BAGI BULAN OKTOBER & NOVEMBER 2024



HALL OF FAME PERSATUAN PELAJAR MEKANIKAL BAGI BULAN OKTOBER & NOVEMBER 2024



HALL OF FAME PERSATUAN PELAJAR MEKANIKAL BAGI BULAN DISEMBER 2024



HALL OF FAME PERSATUAN PELAJAR MEKANIKAL BAGI BULAN DISEMBER 2024



HALL OF FAME PERSATUAN PELAJAR MEKANIKAL BAGI BULAN DISEMBER 2024



POSTER HEBAHAN PERSATUAN PELAJAR MEKANIKAL BAGI BULAN NOVEMBER 2024



JOM UNDI
CALON MPP
PILIHAN ANDA!!

DI
SMAP ONLINE
PADA
14 NOVEMBER 2024
JAM 9 PAGI HINGGA JAM 6 PETANG

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

FKMP TEAMHEPA

PERKUTIPAN PELAJAR MEKANIKAL
PERKUTIPAN PELAJAR MEKANIKAL
PERKUTIPAN PELAJAR MEKANIKAL
PERKUTIPAN PELAJAR MEKANIKAL



BUAL BICARA

BERSAMA CALON
MPP FKMP 24/25

12 NOVEMBER 2024

8.00 P.M. - 9.00 P.M.

PLATFORM INSTAGRAM (LIVE)

KEHADIRAN MAHASISWA/I DIALU - ALUKAN

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

FKMP TEAMHEPA

PERKUTIPAN PELAJAR MEKANIKAL
PERKUTIPAN PELAJAR MEKANIKAL
PERKUTIPAN PELAJAR MEKANIKAL
PERKUTIPAN PELAJAR MEKANIKAL

MODERATOR
ASYRAAF WAJDI BIN ABDUL JABAR



PENCARIAN
ATLET SUKAN FKMP
BOLA TAMPAR

SEMPENA SUKAN ANTARA FAKULTI 2024

IMBAS QR

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

FKMP TEAMHEPA

PERKUTIPAN PELAJAR MEKANIKAL
PERKUTIPAN PELAJAR MEKANIKAL
PERKUTIPAN PELAJAR MEKANIKAL
PERKUTIPAN PELAJAR MEKANIKAL



PENCARIAN
ATLET SUKAN FKMP
TENIS

SEMPENA SUKAN ANTARA FAKULTI 2024

IMBAS QR

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

FKMP TEAMHEPA

PERKUTIPAN PELAJAR MEKANIKAL
PERKUTIPAN PELAJAR MEKANIKAL
PERKUTIPAN PELAJAR MEKANIKAL
PERKUTIPAN PELAJAR MEKANIKAL

POSTER HEBAHAN PERSATUAN PELAJAR MEKANIKAL BAGI BULAN NOVEMBER 2024



PENCARIAN
ATLET SUKAN FKMP
BOLA JARING
SEMPENA SUKAN ANTARA FAKULTI 2024

IMBAS QR

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

FKMP TEAMHEPA

PERKUTUBAN PELAJAR MEKANIKAL PERKUTUBAN PELAJAR MEKANIKAL



PENCARIAN
ATLET SUKAN FKMP
BOLA SEPAK 9'S
SEMPENA SUKAN ANTARA FAKULTI 2024

IMBAS QR

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

FKMP TEAMHEPA

PERKUTUBAN PELAJAR MEKANIKAL PERKUTUBAN PELAJAR MEKANIKAL



PENCARIAN
ATLET SUKAN FKMP
BADMINTON
SEMPENA SUKAN ANTARA FAKULTI 2024

IMBAS QR

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

FKMP TEAMHEPA

PERKUTUBAN PELAJAR MEKANIKAL PERKUTUBAN PELAJAR MEKANIKAL



PENCARIAN
ATLET SUKAN FKMP
OLAHRAHA
SEMPENA SUKAN ANTARA FAKULTI 2024

IMBAS QR

UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

FKMP TEAMHEPA

PERKUTUBAN PELAJAR MEKANIKAL PERKUTUBAN PELAJAR MEKANIKAL

**DISEDIAKAN OLEH:
TEAM MULTIMEDIA PERSATUAN PELAJAR MEKANIKAL**



**DITERBITKAN OLEH:
PENYELARAS TEAM HEPA
&
PERSATUAN PELAJAR MEKANIKAL**

**EDITED BY: EZHILCHELVAM &
MATHAN RAJ**

WRITTEN BY: NICOLE